TEL: **03-4225449 / 61** FAX: **03-4225472**

PUSAT LATIHAN KOMPUTER
N I T

KURSUS YANG DITAWARKAN

- SIJIL PENGAJIAN KOMPUTER
- SIJIL 'SOFTWARE PROGRAMMING'
- SIJIL KEJURUTERAAN KOMPUTER
- SIJIL 'NETWORKING DAN CABLING'
- SIJIL KEJURUTERAAN ELEKTRIK & ELEKTRONIK

- **DIPLOMA SAINS KOMPUTER**



BELAJAR DI NIT – UNTUK MENGHADAPI CABARAN DAN PELUANG MASA DEPAN !!

TAHNIAH KEPADA KELAB KOMPUTER MBSS!

(PROJEK USAHASAMA NIT / MBSS)

SUDUT
KARYA
BAHASA TAMIL
BAHASA MELAYU
BAHASA INGGERIS
华文
淡米尔文
英语
华语
BAHASA CINA
Hi!
YES ! YES!
100%
Ha!
Vroom
Hei!
BEEN !!
BAS
BYE
La! La!
kick !
Z Z Z
.....
Hi! Hi!
- FUK TUNG -

■ KETENTUAN TAKDIR ■

Cuaca sungguh panas, sepanas hatiku. Terik pancaran matahari menggigit kulit kepalaku. Badanku basah bermandikan peluh. Aku dalam keadaan termangu hanya mampu melihat langkah Maizura yang semakin jauh itu.

"Sampati hati kau buat aku begini, apa kesalahanku hingga sanggup kau memutuskan perhubungan ini," desis hatiku yang kecewa.

Langkah Maizura semakin hilang namun aku masih di situ membayangkan saat-saat pertemuan aku dengannya sebentar tadi.

"Apa perkara penting yang hendak Mai katakan, cakaplah:.
"Az, Mai rasai setakat ini sahaja perhubungan kita, Mai tak sanggup teruskan...."
"Hei, apa Mai cakapkan ni, Az tak fahamlah. Mai bergurau ye."
"Mai tak bergurau Az. Mai terpaksa putuskan hubungan kita untuk kebaikan Az."
"Tapi mengapa dan kenapa."
"Mengapa dan kenapa itu Az tak perlu tahu tapi percayalah ia untuk kebaikan dan masa depan Az sendiri..."

Maizura terus berlalu meninggalkan aku dengan seribu pertanyaan yang bermain di kotak fikiranku.

*****

Malam yang mendamaikan berserta dengan hujan gerimis tak biasa menerangkan hatiku yang resah. Tiba-tiba aku terkenang di saat pertama kali aku bertemu dengannya. Pertemuan itu menyebabkan aku terjebak dalam arena percintaan walaupun masih dalam usia mentah.

"Assalamualaikum, awak ni pelajar baru ya," aku cuba bertanya.
"Waalaikum salam, ya saya pelajar baru. Ada apa-apa yang boleh saya bantu?" Maizura menyambut dengan mesra membuatkan hati ku berkocak sendiri.

Air mukanya yang jernih serta disaluti dengan tudung sekolah menambahkan seri di wajahnya. Sepasang mata yang berwarna coklat jernih dan bibirnya yang merah delima menjadikan makhluk ciptaan tuhan itu begitu sempurna.

Disebabkan pertemuan itu, hubungan aku dengannya semakin erat dan ternyata aku tidak bertepuk sebelah tangan. Getaran di jiwa yang aku rasai turut dirasainya jua!

"Mai..., Az nak kita sama-sama berjaya ke menara gading. Az tak sanggup kehilangan Mai andainya salah seorang daripada kita kecundang kelak," kata ku kepadanya di suatu petang ketika kami telah selesai belajar bersama-sama.

"Mai juga harapkan kejayaan dan Mai harapkan perhubungan kita kekal sehingga ke matlamatnya. Tak usahlah Az risaukan sangat, Mai berjanji biar apapun yang terjadi di antara kita, kita tidak akan berpisah, percayalah sayang," kerana janji itu membuatkan aku bersemangat dan berkeyakinan untuk mengharungi dunia keilmuan itu.

Aku pernah mendengar pepatah yang mengatakan bahawa jika kita bercinta di alam persekolahan kita akan tergelincir dalam mengejar cita-cita. Aku dan Maizura menolak sekeras-kerasnya dakwaan itu kerana sepanjang empat tahun perkenalan kami tiada satu pun perkara yang boleh menyebabkan kami leka dan hanyut. Bahkan prestasi aku dan Maizura dalam pelajaran semakin baik.

Namun pertemuan siang tadi telah menyebabkan fikiran aku berkecamuk. Dalam hatiku tertanya-tanya mengapa dengan tiba-tiba sahaja Maizura sanggup memutuskan perhubungan yang sekian lama terjalin. Mengapa Maizura sanggup melukakan hatiku? Tidakkah Maizura mengerti perasaan aku yang terlalu menyayanginya?

*****

Malam itu juga Maizura menangis sepuas-puasnya kerana kejadian siang tadi. Bukan niatnya untuk memutuskan perhubungan. Tapi dia terpaksa, terpaksa melakukannya!

Maizura tak sanggup andainya, kasih dan sayang Azri itu semakin bertambah kepadanya kerana ia akan merosakkan kebahagian Azri. Azri pasti akan kecewa jika dia tahu perkara yang sebenar. Maizura telah disahkan mengidap barah otak dan mengikut jangkaan doktor dia hanya boleh bertahan beberapa hari sebelum peperiksaan SPM yang akan didudukinya tahun ini.

Dia juga telah mengambil keputusan untuk bertukar sekolah di kampung. Tidak sanggup rasanya dia melihat kekecewaan yang akan Azri hadapi.

Dalam esakkan itu Maizura merenung potret wajah Azri sambil berkata-kata sendirian.

"Maafkan Mai sayang kerana keputusan ini, bukanlah niatku untuk memutuskannya. Cubalah belajar menerima takdir dan perpisahan ini. Mai yakin suatu hari nanti Azri akan bertemu dengan seorang gadis yang lebih baik dan sempurna. Mai juga doakan Az akan berjaya mencapai cita-cita. Percayalah, kasih dan sayangku tidak pernah berubah walau hingga ke nafas terakhir sekalipun...", beberapa ketika Maizura pun tertidur dalam esakkan yang masih kedengaran sambil memeluk potret wajah Azri.

*****

Hari-hari yang aku lalui tiada serinya lagi. Selepas kejadian itu aku tidak bertemu lagi dengan Maizura. Pemergiannya itu menjadi tanda tanya. Apakah punca yang menyebabkan Maizura sanggup bertindak begitu?

Namun aku harus sedar! Perpisahan dan kekecewaan bukanlah suatu perkara yang boleh merosakkan masa depan ku.

"Aku harus jadikan kekecewaan ini satu perkara yang positif, jangan kerana perkara ini aku menghancurkan harapan semua orang," aku cuba mengutip kembali semangatku yang jatuh.

"SPM tak lama lagi, aku harus bersedia. Aku juga doakan dan harapkan supaya Maizura juga bersedia dan berjaya," semangat aku kian pulih.

Aku merenung tepat ke potret Maizura.

"Semoga di suatu hari nanti kita akan ditemukan oleh Nya. Di saat itu aku akan menerima mu biar dalam keadaan apa sekalipun kerana kasih dan rasa cintaku tidak pernah berubah dan berbelah bagi...."

*****

Namun semuanya kerana Illahi. Setiap perkara itu ada kebaikan dan hikmah di sebaliknya. Maizura pergi lebih awal dari yang dijangkakan. Itulah satu ketentuan takdir. Kita sebagai manusia seharusnya tabah menerima kenyataan dan dugaan yang Maha Esa.

Setiap perkara yang berlaku itu sudah ditentukan oleh Allah s.w.t. dan setiap pertemuan mestilah diakhiri dengan perpisahan, pasrahlah!

Irarin
5 Sains 2

■ MASALAH JEREBU DI MALAYSIA ■

Sejak enam bulan kebelakangan ini, kejadian jerebu telah melanda negara kita terutamanya di Sabah dan Sarawak. Keadaan ini telah menjadi semakin serius sehingga membimbangkan penduduk tempatan, dan kerajaan Sarawak terpaksa mengisytiharkan darurat di seluruh Sarawak. Sekolah-sekolah di Kuching, Sarawak telah ditutup selama seminggu akibat indeks bahan pencemar atau dalam singkatan IBP telah mencecah paras bahaya.

Kebakaran hutan yang berlaku di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia, merupakan punca jerebu yang utama. Asap berlebihan daripada kebakaran itu telah dibawa oleh angin monsun ke negara-negara jiran seperti Singapura, Malaysia dan Selatan Negara Thai. Ini bukan sahaja memusnahkan hidupan flora dan fauna, malah ketenteraman dan kesihatan masyarakat negara jiran turut terancam.

Sepadan dengan arus pembangunan di negara kita, banyak kilang telah dibina untuk menghasilkan pengeluaran yang mencukupi dan berkualiti. Kilang-kilang yang tidak dilengkapi dengan alat penapis mengeluarkan asap tebal ke udara dan membentuk jerebu di kawasan berhampiran.

Jerebu yang mengandungi habuk, gas beracun dan benda asing boleh menyebabkan penyakit, terutamanya pada bahagian respirasi. Contohnya, kadar masyarakat yang menghidapi penyakit asma dalam tempoh ini telah meningkat secara mendadak. Bagi mereka yang telah menghidap penyakit ini, keadaannya menjadi semakin teruk. Rakyat yang tidak sihat tidak dapat menyumbangkan tenaga yang produktif pada tahap maksimum dalam merealisasikan dasar pembangunan negara.

Keadaan jalan raya menjadi semakin buruk apabila jerebu yang tebal mengurangkan jarak penglihatan pengguna jalan raya. Risiko yang dihadapi boleh menyebabkan kejadian kemalangan jalan raya.

Jerebu juga mengakibatkan perkembangan industri pelancongan tergugat. Ini mengurangkan jumlah pelancong asing yang melawat negara kita dan menjejaskan sumber pendapatan negara.

Langkah-langkah yang efektif harus diambil untuk menyelesaikan masalah jerebu di negara kita. Malaysia harus bekerjasama dengan negara jiran yang ditimpa nasib yang sama untuk memadamkan kebakaran hutan di Indonesia. Negara asing seperti Jepun dan Perancis turut membantu dalam usaha ini.

Kerajaan tempatan harus menguatkuasakan undang-undang pemeliharaan alam sekitar. Kilang-kilang diwajibkan menggunakan penapis asap untuk menapis gas beracun dan benda asing. Saman harus dikenakan ke atas kenderaan yang mengeluarkan asap berlebihan. Tindakan sebegini boleh memelihara alam sekitar.

Kesimpulannya, penduduk tempatan dan kerajaan harus memandang serius terhadap masalah jerebu dan memberi sokongan dan kerjasama yang sepenuhnya atas segala usaha pemulihan. Kerjasama dan sokongan inilah yang dapat menyelesaikan masalah jerebu.

Wong Chien Shyong
5 S 1

■ SIAPAKAH DIA SEBENARNYA? ■

Mentari semakin meluncur ke ufuk barat, Sang burung bersorak girang pulang terbang ke sarang. Ternyata hari telah beransur tua. Tidak lama lagi, malam menjengah kembali menurut sunnah alam.

"Betulkah jalan ini?" soal Haiqal yang sedang memandu kenderaan pacuan empat roda miliknya.

"Menurut dalam peta ini, memang betullah jalan ini," jawab Maliqi.

"Maliqi...kau memang benar. Kita ini dikelilingi hutan tebal. Sekejap lagi dah masuk waktu senja. Nanti, lain yang kita cari, lain pula yang jumpa," ujar Haqim pula.

"Hai, Haqim! Mulut kau tu boleh tak 'cover' sikit. Kita ni di tengah-tengah hutan. Orang tua-tua kata, kalau masuk hutan, mulut jangan celupar. Sebab...apa yang kita katakan, kemungkinan akan benar-benar berlaku," tegur Haiqal menasihati. Tiga anak muda itu meneruskan perjalanan mereka.

Malam semakin pekat lantaran dilindungi oleh pokok-pokok daripada cahaya menembusi lantai tanah. Nyanyian sang cengkerik saja yang dapat didengari tika itu. Hembusan bayu malam terasa tertusuk hingga ke tulang hitam. Haqim yang duduk di belakang menggigil kesejukan lalu memeluk tubuhnya.

Guruh mulai kedengaran berdentam-dentum di dada langit. Pancaran kilat sabung menyabung sejurus itu. Titik-titik renyai hujan mulai mencurah menyirami permukaan mukabumi.

"Jamilah kita patah balik! Tengah-tengah hutan tebal begini, macam-macam hal boleh berlaku. Dahlah malam ini, malam Jumaat," pinta Haqim seram.

"Kau hilang akal...? Kita ini dah sesat, macam mana nak patah balik!" balas Maliqi meninggikan suara. Pertengkaran mereka berhenti seketika. Penglihatan mereka tertumpu pada suatu cahaya terang benderang yang menyimbah kawasan di hadapan mereka. Dari cahaya itu, muncullah susuk tubuh seorang gadis. Ya, seorang gadis! Dengan itu juga, suatu bauan wangi yang amat sangat menerawang masuk ke lubang hidung mereka bertiga. Haiqal, Maliqi dan Haqim terperanjat. Mereka tergamam. Di kalangan mereka bertiga, Haqimlah yang paling pengecut. Wajahnya berubah pucat bak mayat. Giginya terkatup rapat. Dalam keadaan itu, peluh jantannya mulai membasahi tubuh. Dia takut. Amat takut!

"Jangan gundah saudara-saudaraku. Aku juga manusia sepertimu." Gadis itu bersuara lembut.

"Namaku Tun Teja. Aku baru saja pulang dari menziarahi kubur arwah datukku di hujung desa ini", sambung gadis itu lagi. Haqim dan Maliqi masih kaku duduk di dalam jip mereka. Haiqal saja terserlah kejantanannya kerana berani keluar dari kenderaannya untuk bersua dengan gadis itu.

"Apakah hajat di hati saudara Haiqal datang ke sini?" soal gadis itu.

"Emm...sebelum itu, bagaimana saudari Tun Teja boleh tahu nama saya?" tanya Haiqal pula kehairanan. Padahal, dia belum lagi memperkenalkan dirinya pada gadis itu. Gadis bernama Tun Teja itu hanya mengukirkan sekuntum senyuman menawan yang bisa menggoyahkan keimanan seorang lelaki sejati sepertinya.

"Sebenarnya, kami bertiga ini datang dari Kuala Lupur. Kami ni saintis. Kami ke sini adalah untuk menjalankan satu kajian mengenai tumbuh-tumbuhan yang boleh dijadikan vaksin di hutan Pahang ini," terang Haiqal.

"Oh...begitu. Sementara menanti siang tiba, sudi-sudikanlah ke teratak saya nun di sana," pelawa gadis itu seraya menuding jarinya ke arah sebuah rumah. Dari jauh kelihatan rumah itu separa usang. Cat berwarna putih yang menyaluti dinding luar rumah itu sudah luntur warnanya. Keadaan persekitarannya turut tampak tidak terurus. Bagaikan terpukau, Haiqal menyetujuinya.

"Jemputlah ke dalam," pinta gadis itu ringkas setelah tiga anak muda itu tiba di rumahnya. Haiqal, Maliqi dan Haqim melangkah masuk ke rumah gadis itu.

"Silakan duduk sebentar. Saya ke dapur sekejap, buat air," ujar gadis itu lagi bersopan-santun. Haqim mulai bersuara.

"Dia itu betullah manusia atau....? Mana ada orang nak tinggal di kawasan terpencil sebegini?" Haqim bertanya.

"Aku rasa dia ini jelmaan hatilah. Tadi, kau bau tak wangi sebelum dia muncul dari cahaya itu," soal Maliqi pula.

"Kau berdua ini masih berfikiran kuno. Sekarang ini, zaman multimedia...mana lagi ada hantu," balas Haiqal meyakinkan sahabatnya.

Sejurus kemudian, gadis yang menggelarkan dirinya Tun Teja itu menghampiri mereka dan membawakan lima gelas air berwarna merah ke ruang tamu.

"Jemputlah minum," pelawa gadis itu.

"Saudari Tun Teja, boleh saya bertanya. Kita kan berempat tapi kenapa saudari sediakan lima gelas?" soal Haqim memberanikan diri.

"Yang satu lagi ini khas untuk datukku," balas gadis itu. Haqim hairan kerana tadi, gadis itu kata dia baru pulang dari menziarahi kubur arwahnya. Ini bermakna datuk gadis itu sudah meninggal dunia tapi... Perempuan ini ada masalah mental 'kot', fikir Haiqim seorang diri.

Ding...Dong..Jam antik besar yang diletakkan di sudut ruang tamu rumah gadis misteri itu berbunyi menunjukkan tepat pukul 11 malam. Kelopak mata mereka bertiga seperti dibebani sesuatu dan akhirnya mereka terlena.

*****

"Hoi, Haiqal! Maliqi! Bangunlah, dah siang!" jerkah Haqim menggerakkan sahabatnya dari terus melayani mimpi.

"Di mana kita ni? Macam mana kita boleh berada di tanah perkuburan ini? Mana Tun Teja?" soal Maliqi bertubi-tubi.

"Astaghfirruallahalazim..." hanya itu saja yang dapat diungkapkan Haiqal. Gambaran raut wajah gadis misteri bernama Tun Teja itu segera terbayang di mindanya. Siapakah dia sebenarnya? Tanya hati kecil Haiqal. Dengan tidak semena-mena, bulu roma di tengkuknya meremang naik tegak berdiri.

Khairul Annuar K.S.B.
3 Murni 1

■ SEGENGGAM HARAPAN ■

Pagi itu Fatimah lambat lagi datang ke sekolah. Ketika dia mengetuk pintu Tingkatan 5A, Cikgu Kamal sedang mengajar Bahasa Inggeris. Dia memarahi Fatimah kerana datang lambat. Aku berasa amat kasihan kepada Fatimah. Fatimah meminta maaf kepada Cikgu Kamal. "Lain kali, kalau lambat, jangan masuk kelas ini lagi!" suara lantang Cikgu Kamal menggerunkan semua pelajar Tingkatan 5A. "Terima kasih, cikgu," kata Fatimah lembut lalu menuju ke tempat duduknya di sisi aku.

Semasa Cikgu Kamal menulis beberapa perkataan Bahasa Inggeris di papan hitam, aku berbisik kepadanya "Mak kamu sakit lagi ke?" Fatimah cuma mengangguk. Aku dan Fatimah adalah sekelas sejak berada di Darjah Satu. Fatimah tinggal di sebuah kampung yang terletak lima kilometer jauhnya dari sekolah. Dia adalah anak tunggal dalam keluarga yang periang dan disayangi oleh ibu bapanya. Dahulu, Fatimah bukan selalu lewat ke sekolah. Bapanya membawa Fatimah ke sekolah dengan motosikal. Malangnya pada suatu hari, bapanya terkorban dalam kemalangan jalan raya dengan sebuah kereta. Ibunya yang bersedih dengan tragedi itu mula jatuh sakit kerana penyakit barah hati. Sudah seminggu ibunya tidak dapat bekerja untuk menampung kehidupan. Fatimah terpaksa melakukan kerja rumah seperti mencuci pakaian, memasak dan menjaga ibunya. Walaupun berada dalam keadaan demikian, ibunya tetap menyuruh Fatimah supaya meneruskan persekolahannya. Begitulah keadaan Fatimah pada masa ini. Aku pernah bercadang untuk memberitahu perkara tersebut kepada Cikgu Kamal, tetapi dilarang oleh Fatimah kerana takut ditertawakan orang.

Pada suatu hari, emak Fatimah jatuh sakit dengan teruknya. Fatimah menelefon pada aku bahawa dia tidak dapat datang ke sekolah kerana dia mahu menghantar emaknya ke hospital. Fatimah berkata lagi bahawa aku tidak perlu bimbang kerana dia telah meminta bantuan jirannya untuk menghantar emaknya ke hospital.

Di sekolah, loceng berbunyi menandakan pelajaran akan bermula. Seperti biasa Cikgu Kamal masuk ke kelas Tingkatan 5A untuk mengajar Bahasa Inggeris. "Selamat sejahtera, cikgu!" laung suara semua pelajar dalam kelas itu. Cikgu Kamal merenung ke seluruh kelas dan memandang tepat ke arah tempat duduk Fatimah yang kosong bersebelahan dengan aku.

"Ini sudah kali kelima Fatimah lewat ke sekolah, sama ada datang lewat atau tidak datang langsung. Nampaknya, kali ini saya terpaksa memberitahu perkara ini kepada Pengetua," kata Cikgu Kamal membuat keputusan. Wajah Fatimah terbayang dalam hatiku. Jika aku tidak memberitahu perkara yang sebenar kepada Cikgu Kamal, sudah tentu Fatimah akan dibuang sekolah dan tidak dapat belajar lagi. Aku harus memberitahu rahsia ini demi kebaikan Fatimah.

"Boleh saya bercakap dengan cikgu?" aku bertanya kepada Cikgu Kamal. "Ada apa hal, Jamil?" tanya Cikgu Kamal. Aku menceritakan rahsia yang

aku pendamkan selama ini kepada Cikgu Kamal. Apabila aku habis bercerita, Cikgu Kamal mula menundukkan muka, tanda kesal kerana selalu memarahi Fatimah pada hari-hari sebelumnya. Cikgu Kamal mula berminat untuk membantu Fatimah. "Jamil, jangan bimbang. Saya akan melaporkan hal ini kepada Pengetua untuk tindakan selanjutnya. Saya yakin pihak sekolah boleh membantu menyelesaikan masalah Fatimah," kata Cikgu Kamal. Aku berasa gembira kerana Fatimah mendapat bantuan juga akhirnya. Sebagai seorang kawan, aku harus membantu Fatimah apabila menghadapi masalah.

Pada hari itu juga, Cikgu Kamal membawa aku dengan keretanya ke hospital di mana emak Fatimah ditempatkan. Fatimah berasa terkejut melihat Cikgu Kamal dan aku. Di sisinya emak Fatimah terlantar di katil dalam keadaan nyenyak. "Bagaimanakah keadaan emak kamu?" tanya Cikgu Kamal dengan lembut. "Emak saya harus menjalani pembedahan untuk mengeluarkan tumor dalam hatinya. Tetapi, bayaran pembedahan adalah sebanyak lima belas ribu ringgit. Bagaimanakah saya hendak mendapat wang sebanyak itu?" kata Fatimah dengan resah. Cikgu Kamal tersenyum. "Jangan bimbang, Fatimah. Pengetua telah mengambil keputusan untuk memulakan kutipan derma daripada pelajar dan keluarga mereka. Berita emak kamu itu akan disiarkan dalam akhbar utama untuk tujuan yang sama. Tentang pelajaran, saya berjanji untuk mengajar kamu di rumah saya selepas emak kamu sembuh."

Fatimah berasa terharu mendengar kata-kata Cikgu Kamal. Dia menggenggam erat tangan Cikgu Kamal. "Jasa cikgu tidak akan saya lupakan." Setitis demi setitis air mata jatuh dari kelopak mata Fatimah. Dia berlari dan memeluk aku. "Kamulah kawan sejati yang pertama saya kenali. Saya menghargai usaha yang kamu lakukan untuk membantu saya." Suasana di bilik hospital itu menjadi sunyi kecuali suara esakan Fatimah.

Dalam kutipan derma tersebut, pihak sekolah telah mengumpulkan jumlah wang yang cukup untuk membiayai perbelanjaan pembedahan emak Fatimah. Selepas enam jam pembedahan, tumor dalam hati emak Fatimah berjaya dikeluarkan dan dapat meneruskan kehidupan seperti biasa. Fatimah pula dapat pergi ke sekolah seperti biasa. Cikgu Kamal telah berjanji membawa Fatimah ke sekolah setiap pagi. Keadaan Fatimah sudah berubah menjadi baik. Perhubungan Fatimah dan aku menjadi semakin rapat dan mesra. Perkara ini akan aku simpan dalam hati buat selama-lamanya.

Wong Chien Shyong
5 Setia 1

Kata-kata Hikmat:

■ CINDAI MASTURA ■

"Najib, kau nampak tak budak perempuan yang ikat tocang dengan riben merah itu?" tanya Anwar menepuk bahu Najib yang sedang asyik menghirup secawan teh panas. Najib hampir tersedak. Bebola matanya segera beralih dari secawan teh ke arah sekumpulan pelajar perempuan. Gadis yang dimaksudkan itu sedang duduk bersendirian sambil menatap sebuah buku di sudut kantin. Aduh! Ayunya, bisik hati kecil Najib.

"Kau tahu namanya, Anwar?" soal Najib ingin tahu.

"Tak," balas Anwar pendek. "Tapi..dia ini lain daripada yang lain," terang Anwar.

"Maksud kau...?" tanya Najib kurang pasti sambil mengangkat kening kirinya.

"Kau tengok sajalah ke mana dia pergi, pasti buku ada di tangannya. Ulat bukulah katakan," jelas Anwar lagi. Najib semakin berminat untuk mendengar kisah tentang gadis itu.

"Apa lagi yang kau tahu mengenai dia?" tanya Najib lebih lanjut.

"Dia ni ramai peminat. Al maklumlah orangnya cantik," jawab Anwar terus terang. Najib tersenyum menampakkan barisan giginya yang putih. Dia juga salah seorang peminat gadis itu. Tanpa segan dan silu, Najib menuju ke meja gadis itu. Anwar agak terperanjat dengan tindakan sahabatnya.

"Maaf, jika mengganggu. Boleh saya duduk di sini?" pinta Najib.

"Silakan," pelawa gadis itu seraya mengukirkan sekuntun senyuman.

"Nama saya Najib, nama saudari...?" ujar Najib membuka bicara perkenalan.

"Saya Cindai Mastura. Panggil saya Cindai," balas gadis itu memperkenalkan dirinya lalu menutup buku yang dibacanya tadi. Mereka bersalaman.

"Cindai tidak pulang lagi ke? Hari kan sudah petang," soal Najib kepada Cindai.

"Cindai memang hendak pulanglah ni," balas Cindai.

"Cindai tinggal di mana?" tanya Najib lagi.

"Taman Sejahtera," jawab Cindai ringkas.

"Benarkah? Saya pun tinggal di situ juga. Marilah saya temankan pulang," ujar Najib mempelawa.

"Terima kasih sajalah, Najib. Cindai sedang tunggu..." kata-kata Cindai terhenti di situ. Lehernya dipanjangkan seolah-olah memerhatikan sesuatu. "Hah, itupun dia! Cindai pulang dulu, ya", ujar Cindai bergegas meninggalkan Najib dan menuju ke sebuah kereta Proton Perdana yang dipandu seorang lelaki berpakaian segak. Jadi kau sudah berpunya. Patutlah aku tidak diendahnya, fikir Najib. Dengan perasaan kecewa, Najib melangkah longlai keluar dari bangunan sekolahnya. Jerat tidak mengena, mungkin lain kali, fikir Najib lagi.

*****

"Bang, bukalah pintu ni. Eton mak masuk," ujar adik Najib mengetuk pintu.

"Masuklah...pintu tak berkunci," jawab Najib lesu.

"Kenapa ni bang? Abang ada masalah ke?" soal Eton.

"Tak ada," jawab Najib spontan. Dengan segera Najib menukar tajuk perbualan, "Eton tak pergi ke sekolah hari ini?"

"Bukankah hari ini hari Sabtu. Mana ada sekolah?" balas Eton hairan dengan fiil abangnya hari ini.

"Eton tahu, mesti ada yang tak kena dengan abang ni. Abang tak pernah begini," ujar Eton lagi.

"Sudahlah Eton, abang penat ni. Abang nak tidur," ujar Najib seraya membenamkan mukanya ke bantal. Lantas, Eton pun melangkah keluar. Tiba-tiba...

Di manakah aku? fikir Najib hairan. Dia seolah-olah berada di dunia yang lain. Di sekelilingnya terdapat sebuah taman yang indah dan dipenuhi dengan ros berwarna putih. Di tengah taman itu pula terbaringnya sekujur tubuh di atas permaidani putih yang terbentang luas. Najib menghampirinya. Dia terperanjat setelah melihat sekujur tubuh itu adalah Cindai. Najib tersentak. Dia menjerit, "Tidakkk!"

Astaghfirullahilazim... aku bermimpi rupanya. Apakah petanda mimpiku ini? Najib mengeluh.

*****

"Apa khabar Najib? Dapat 'tackle' perempuan semalam?" soal Anwar. Najib menggelengkan kepala. "Apalah kau ni? Kata pakar dalam segala hal pikat memikat perempuan. Ada dah jadi?" tanya Anwar tersenyum kambing.

"Betullah apa yang kau katakan dulu. Dia ni lain daripada yang lain. Biasanya...dengan ketampanan wajahku ini, sekali kenyit mata, sepuluh orang perempuan masuk ICU tapi dia ni tidak," jelas Najib perasan. "Dia ni umpama merpati. Jinak-jinak merpati, jika didekati, ia terbang lari," sambungnya lagi.

"Kau dah tahu nama perempuan tu?" tanya Anwar.

"Sudah. Cindai Mastura," balas Najib.

"Sedapnya nama 'Goreng pun sedap'." ujar Anwar berlawak.

Perbualan mereka terhenti seketika apabila seorang gadis melintasi mereka berdua.

"Amboi, lawanya!" kata Anwar tertelan air liur.

"Itulah Cindai Mastura. Aku nak pergi jumpa dialah," ujar Najib tidak berputus asa.

"Hai, Cindai. Apa khabar?" soal Najib.

"Baik," balas Cindai ringkas.

"Saya nak tanya awak sesuatu." terang Najib.

"Apa dia?" tanya Cindai kembali.

"Siapa lelaki yang jemput Cindai waktu pulang sekolah kelmarin? 'Boyfriend'?" tanya Najib ingin pasti.

"Buat apa Najib nak tahu?" soal Cindai pula.

"Saja...," jawab Najib menggaru kepala.

"Dia...abang Cindai," Cindai memberi jawapan. Raut wajah Najib terpotret keceriaan. Di hati kecilnya berkata, Yahoo! Aku masih lagi ada peluang.

*****

Hari ini hari minggu. Najib bangkit lambat sedikit, tidak seperti di hari-hari yang lain. Dalam keadaan separuh sedar, Najib mengambil tuala mandinya dan menuju ke bilik mandi. Setelah membersihkan diri, Najib menuju ke dapur untuk bersarapan pagi. Dia membuka tudung saji yang terletak di tengah meja makannya. Wow! Mee hoon goreng beserta teh panas. Najib menjamu selera dengan lahapnya sehingga perut kenyang diisi. Alhamdulillah Najib melangkah ke ruang tamu. Dia menghenyakkan punggungnya di atas sofa lembut buatan Itali. Dia mencapai suratkhabar di sebelahnya. Berita muka depan hari ini menyentuh kontroversi Bill Clinton dan gangguan seksual yang dilakukannya. Bosan! Najib menyelak pula bahagian rancangan televisyen. Juga membosankan! Tiada yang menarik. Dengan tiba-tiba, Najib tertarik untuk membaca satu artikel di dalam suratkhabar itu.

> KUALA LUMPUR, 9 Ogos – Anggota bomba dan penyelamat bertungkus lumus memisahkan kereta yang tersangkut dengan bas dalam kemalangan di Jalan Pudu, semalam.
>
> Sepasang suami isteri, Abdullah Omar, 40, Rogayah Chik, 38, dan anak mereka, Cindai Mastura, 16, terbunuh dalam kemalangan yang membabitkan sebuah kereta persendirian dan bas yang berlaku pada jam 8.00 malam semalam.

Najib tergamam. Dia bagaikan tidak percaya apa yang dibacanya tadi. Padahal, baru semalam dia bertemu dengan Cindai di sekolah. Adakah itu petanda mimpinya semalam? Perkenalannya dengan gadis ayu bernama Cindai Mastura itu baru berputik, tidak sampai seminggu. Pemergiannya terlalu awal bagi Najib. Dia sedih. Sebak! Pilu! Di kotak mindanya mula memutarkan adegan-adegan di saat awal persahabatannya dengan Cindai. Suratkhabar yang dibacanya tadi diramas-ramas seperti mana perasaannya itu. Najib benar-benar tersentuh. Dia menjerit, "Cindai!!!"

Khairul Annuar K.S.B.
3 Murni 1

■ SEBUAH KEJAYAAN ■

Suasana di dalam kelas Tingkatan 3 Murni pada tengahari itu diselubungi kemuraman. Seisi penghuninya mengantuk, tidak tahan menghadapi bahang sang suria. Puan Nurul yang sedang mengajar subjek Sejarah pun turut bosan. Setiap soalan yang diajukan kepada pelajarnya tidak mendapat perhatian. Dia resah mencari modal untuk mengajar.

"Hah, yang mulutnya terlopong tu!" sergahnya tidak diduga. Mungkin untuk menghidupkan semula suasana kelas itu yang lazimnya dihiasi dengan gelak ketawa dan disulami dengan gurau senda. "Ingatkan 'amoi' ke? Sila jawab soalan saya," sambungnya lagi.

Bahrin terpinga-pinga bangun. Hatinya bertanya, soalan apa? "Cikgu, boleh tak ulang soalan tadi, saya kurang jelas," ujar Bahrin mencari alasan.

"Pssst...soalannya, siapakah yang meneruskan pemerintahan keluarga Brooke selepas kematian Charles Vyner Brooke," bisik rakannya di sebelah, Azrul.

"Err...err....beruk..." jawab Bahrin spontan tanpa berfikir panjang.

Sejurus selepas itu, kedengaran kuat gelak ketawa. Seisi penghuni di kelas itu berasa gelihati dan tergelak besar dengan jawapan yang diberikan oleh Bahrin. Puan Nurul turut tersengih. Suasana di kelas itu segar dan bersemangat kembali, ibarat orang berpuasa sudah berbuka.

*****

Loceng pulang berbunyi. Bahrin dan Azrul pulang bersama macam biasa. Seperti pelajar-pelajar lain, mereka turut bersesak-sesak keluar dari pagar utama sekolah.

"Kelakarlah lawak yang kau buat di kelas tadi," ujar Azrul agak kuat untuk mengatasi kebisingan suasana sekeliling. Mereka ketawa sepanjang perjalanan apabila mengingatkan kejadian tadi.

"Aku bukannya buat lawak tapi aku terlepas cakap. Cikgu Nurul tiba-tiba saja menyuruh aku menjawab soalannya. Apalagi, kelam kabutlah aku dibuatnya. Lain disoal, lain pula dijawab. Nasib baik cikgu tak naik berang," jelas Bahrin.

"Bahrin, kenapa aku lihat kau dari pagi tadi asyik murung saja di dalam kelas?" soal Azrul bersimpati.

"Aku bimbanglah Azrul. P.M.R. semakin dekat. Aku belum buat apa-apa persediaan pun. Aku takut jika aku gagal memperolehi keputusan cemerlang kelak," Bahrin menerangkan kedudukan yang sebenar.

"Janganlah 'gabra'. Kita masih ada 8 bulan lagi. Aku percaya, kalau kita penuhi masa yang ada ini dengan membuat persediaan yang cukup sempurna, 'gerenti' 8 A dalam genggaman," balas Azrul penuh yakin mengakhiri perbualan mereka.

*****

Loceng rehat berdering nyaring. Bahrin lewat menuju ke kantin kerana membereskan kerja rumah Sains. Dia melangkah menuju ke kantin bersama-sama dengan Azrul seperti biasa. Mereka menjamu selera dengan lahapnya. Tiba-tiba loceng tamat rehat berbunyi.

"Ah! Kacau orang nak makan saja," rungut Bahrin. "Ini semua Encik Choo punya pasallah. Selalu ambil lebih masa mengajar hingga nak makan pun tak sempat. Alamat kempunanlah aku nak makan ikan tembakul," sambungnya lagi berjenaka.

"Memang betul. Lain kali kalau dia buat lagi, kita adukan perkara ini kepada Pengetua," sokong Azrul tak padan kecil.

Para pelajar lain yang turut mendengar perbualan mereka hanya tersenyum tawar. Mereka malas hendak melayan keletah dua orang pelajar itu yang terkenal dengan sifat protesnya.

******

Awal pagi itu, Puan Janet tidak hadir di kelas Tingkatan 3 Murni. Dengar khabar, dia cuti sakit. Apalagi, seluruh isi kelas berlonjak gembira seperti menyambut satu pesta. Suasana di dalam kelas mulai hingar-bingar seakan di pasar tani. Sesetengah pelajar berjalan ke sana ke mari dan duduk berkelompok-kelompok.

Kumpulan yang boleh dikatakan pandai bertumpu di meja Goh Kok Thong. Kumpulan yang agak nakal pula mengerumuni meja Thinakaran untuk berborak-borak dan mendengar cerita-cerita karut-marut yang entah benar, entah tidak. Sementara pelajar-pelajar yang pendiam pula terus membisu seribu bahasa di tempat masing-masing.

Bahrin lebih suka duduk bersendirian menenangkan fikirannya yang berkecamuk. Dia pening memikirkan P.M.R. yang bakal menjelang mengujinya. Dia sedar bahawa ruang-ruang otaknya masih kosong belum diisi dengan pengetahuan yang cukup. Kekesalan menusuk jiwanya. Waktu yang terluang banyak dibuang sia-sia dengan bermain-main. Sempatkah aku untuk berusaha? Wahai P.M.R..., keluh Bahrin sepi.

Suasana di dalam kelas tidak berubah malah bertambah bising sehingga kedengaran dari luar kelas. Encik Rahmat, guru disiplin sekolah tiba-tiba terjengul tegak berdiri di muka pintu kelas. Mukanya merah padam. Menggerunkan! Dengan segera suasana bertukar sepi.

"Kenapa tak bising lagi?! Sudah tingkatan 3 pun tidak tahu nak jaga diri sendiri. P.M.R. tinggal beberapa bulan saja lagi. Awak ingat, awak dah masuk kelas pertama, awak boleh buat sesuka hati... boleh dapat 8 A tanpa berusaha." Lantang benar suara Encik Rahmat, kecut perut mereka semua. "Kamu semua nak jadi apa, hah! Ini bukan kali pertama kelas awak membuat bising malah terlalu kerap. Saya sering mendapat komen dari guru-guru dan pelajar-

pelajar dari tingkatan yang lain tentang kelas awak. Pengawas pun 'dua kali lima' saja. Siapa yang larat nak leter kelas awak setiap hari? Awak semua dah besar panjang, dah layak dipanggil bapak orang! Saya harap awak semua mengubah sikap negatif dalam diri awak tu!" ujar Encik Rahmat panjang lebar sehingga air liurnya terpecik lalu terkena pelajar-pelajar yang duduk di barisan hadapan. Mereka semua sepi menikus. Takuttt.

*****

"Tak ingat dunia betul bila Cikgu Rahmat berkhutbah Jumaat. Sampai habis dua masa dengar dia punya leteran saja," ujar seorang pelajar, Farid.

*****

Masa terus beredar bagaikan berlari, P.M.R. menjengah juga. Warga 3 Murni menghadapi dengan seribu keazaman di dada, memburu kecemerlangan.

"Kamu buktikan kemampuan dan kebolehan kamu mencapai kejayaan yang gemilang pada masyarakat sekolah. Yakin boleh!" Cikgu Nurul memberi kata-kata semangat dan perangsang terakhir sebelum menuju ke 'medan peperangan'. Dalam hati setiap penghuni kelas 3 Murni terpatri azam seteguh konkrit. Alhamdulilah, setelah hampir dua minggu memerah otak, P.M.R. selesai ditempuhi. Para pelajar 3 Murni mula meramalkan, apakah yang akan mereka perolehi dalam P.M.R. itu.

"Macam mana, rasanya boleh 'score' 8 A?" soal Azrul.

"Insya Allah...." balas Bahrin tersenyum yakin.

Akhirnya, hari yang dinanti-nanti oleh semua pelajar di Malaysia yang menduduki P.M.R. telah tiba. Awal-awal pagi lagi, Bahrin bersama sahabat karibnya, Azrul sudah berada di sekolah. Dalam dada mereka, hanya Tuhan Maha Mengetahui. Gelora ombak resah berkocak ganas di lautan hati masing-masing. Tiba-tiba...

"Bahrin! Azrul! Syabas! Syabas!" satu suara lembut menyapa mereka berdua dari arah belakang. Bahrin tersentak. Azrul jua begitu.

"Oh...Cikgu Nurul, ingatkan siapa. Bagaimana keputusan kami?" tanya Azrul tidak sabar.

"Syabas Bahrin, Azrul! Kamu berjaya mendapat 8 A dalam P.M.R! Kelas kita merangkul keputusan terbaik. 24 orang mendapat 8 A, 14 orang 7A, 2 orang 6A", sambung Puan Nurul tumpang ceria.

Bahrin dan Azrul mengatur langkah menuju ke pejabat sekolah. Mereka ingin melihat keputusan yang mereka perolehi dengan mata mereka sendiri. Memang benar apa yang Puan Nurul katakan. Hanya ungkapan, 'Alhamdulilah' dapat mereka lafazkan. Setelah bersusah payah, siang dan malam, hasilnya adalah sebuah kejayaan. Mereka terharu! Sendu! Bahagia! Gembira!

Khairul Annuar K.S.B.
3 Murni 1

■ KAPAL TERBANG ■

Seorang pelajar pergi melawat kawannya yang terlantar di hospital kerana patah kaki.

Pelajar 1: Bagaimanakah awak mendapat kecederaan ini?
Pelajar 2: Saya terjatuh dari kapal terbang.
Pelajar 1: Kuatnya, awak jatuh dari kapal terbang di langit, hanya patah kaki!
Pelajar 2: Hoi, saya bukannya jatuh dari kapal terbang yang terbang di langit! Saya jatuh dari kapal terbang semasa menaikinya di lapangan terbang.
Pelajar 1: Laa... saya ingatkan awak dah jadi kuat!

K.S. Prem
3 Murni 2

■ ASAL-USUL NASI LEMAK ■

Pada zaman Kesultanan Melaka tinggalah seorang perempuan, Mak Kuntum bersama anaknya, Seri. Suami Mak Kuntum yang juga bapa kepada Seri telah lama terkorban dalam pertempuran menentang lanun di Selat Melaka.

Adapun Mak Kuntum ini kerjanya adalah mengambil upah mengurut. Setiap awal pagi Mak Kuntum telah keluar dari rumahnya untuk mencari pelanggan. Tinggal Seri seorang di rumah dan membuat kerja rumah. Begitulah kehidupan mereka berdua walaupun cuti umum.

Hendak dijadikan sejarah, pada suatu hari timbul rasa jemu dalam sanubari Seri kerana setiap hari memasak nasi dan lauk dengan cara yang sama. Seri sudah muak dengan semua masakan itu. Seri bercadang untuk menukar selera.

Mula-mula Seri mencampurkan sedikit halia ke dalam nasi yang sedang dimasak. Seri tidak berpuas hati dan mencampurkan sehelai daun pandan untuk menyerikan lagi nasi tersebut. "Biar kewangian nasi ini membangkitkan selera mak aku".

Pada waktu tengahari, Mak Kuntum pulang. Seri menghidangkan nasi ciptaannya. Mak Kuntum terperanjat kerana tidak pernah melihat nasi sebegini sepanjang hayatnya. "Apa kau masak ini, Seri?"

"Nasi le, Mak!" jawab Seri berulangkali. Mak Kuntum bertanyakan kepada Seri. Setiap kali itu juga, Seri menjawab, "Nasi le! Mak".

Semenjak hari itu lekatlah nama nasi tersebut sebagai nasi lemak.

R. Balamurugan
2 B 1

■ KEPENTINGAN AIR DALAM KEHIDUPAN MANUSIA ■

Air sangat penting dalam kehidupan seharian manusia, bahkan juga untuk lain-lain makhluk yang berada di atas muka bumi ini.

Manusia memerlukan air dalam kehidupan mereka hari-hari untuk membasuh, mandi dan juga untuk minuman. Jikalau kita kekurangan air di dalam badan, kesihatan kita akan terjejas dan badan akan menjadi lemah. Begitu juga untuk makhluk-makhluk lain seperti binatang dan tumbuh-tumbuhan.

Dalam bidang pertanian, air diperlukan untuk menyubur dan membesarkan segala tanaman yang ditanam. Pokok-pokok yang ditanam. Pokok-pokok yang ditanam akan menjadi layu dan terus mati jika kekurangan atau terus tidak mendapat air. Dalam bidang pengangkutan air (sungai) memainkan peranan yang penting pada cuti ketika dahulu dalam menghubungkan antara satu tempat ke tempat lain.

Di dalam perkembangan lain air adalah penting bagi manusia untuk menjana elektrikhidro bagi mendapatkan bekalan tenaga elektrik. Kerajaan kita selalu mengadakan kempen-kempen untuk mengelakkan para pengguna supaya tidak membazirnya air. Ini menunjukkan betapa pentingnya air.

Manusia dan makhluk-makhluk lain akan menemui maut jika tiada air di muka bumi. Jadi, janganlah kita membazirkan air kerana ia amat penting dan berfaedah dalam hidup kita sehari-hari.

Ravindran
2 U 3

■ JALAN RAYA ■

Seorang anggota polis menyaman seorang pemandu kereta di sebuah lorong.

Pemandu	:	Tuan, mengapakah saya disaman?
Polis	:	Encik disaman kerana melakukan dua kesalahan jalan raya.
Pemandu	:	Apakah kesalahan pertama saya tuan?
Polis	:	Encik membuat pusingan 'U tadi walaupun ada tanda amaran.
Pemandu	:	Saya manalah nampak tuan, tanda itu di tepi jalan raya. Saya melihat terus sahaja tuan.
Polis	:	Mana boleh letak tanda di tengah-tengah jalan raya, nanti kena langgar.
Pemandu	:	Apa pula kesalahan kedua saya tuan?
Polis	:	Encik memandu kereta 85 km sejam sedangkan had laju yang dibenarkan ialah 60 km sejam.
Pemandu	:	Eh! Tuan, bila masa pula saya memandu 85 km sejam, saya baru memandu kereta 15 minit dari rumah saya.
Polis	:	(Dalam hati) Ada juga orang macam ini di dunia ini.

Nama:
Ting:

■ UTAMAKAN WAWASAN ■

Setiap manusia memerlukan satu matlamat, satu tujuan untuk membimbingnya ke arah jalan yang betul dan tidak tersimpang ke jalan yang hina. Kebanyakkan daripada kita menyedari akan kepentingan mempunyai satu matlamat hanya apabila kita gagal. Dari situ, kita mula berfikir bagaimanakah kita akan meneruskan kehidupan. Kadang-kadang kita sudah terlewat. Tetapi tiada yang mustahil, dengan tekad dan azam yang kuat serta wawasan yang baru, kita harus percaya dan yakin akan diri bahawa kita akan berjaya dalam hidup. Kita juga tidak harus menghiraukan pandangan negatif orang lain yang akan memusnahkan tekad kita. Tetapi percayalah dengan nasihat positif dan dorongan dari orang yang boleh membantu kita berjaya.

Yu Chung Leong
4 S 1

■ KITA DAN OMBAK HIDUP ■

Sering kali kita terpaksa mengharungi dan menempuh pelbagai cubaan dan dugaan. Cubaan dan dugaan ini juga boleh menggugat keimanan dan meletakkan kita dalam liku kehidupan yang mencabar. Ada kala pengaruhnya kecil, ada kalanya kita terpengaruh dan ada kalanya pula ia akan membinasakan diri sendiri. Untuk meneruskan kehidupan ini, jangan jadikan cubaan dan dugaan sebagai alasan. Berikhtikad kepada Allah S.W.T., kerana cubaan dan dugaan yang mematangkan kita.

Mohd Fandi
4 S 1

■ KITA SEMAKIN JAUH ■

Semakin hari, semakin pesat pembangunan negara yang menjanjikan hidup yang mewah kepada kita. Orang ramai sanggup mengorbankan segala-galanya demi untuk wang sehingga kepentingan orang lain tidak dipedulikan. Alam sekitar dicemari akibat daripada perbuatan manusia untuk memperoleh keuntungan. Hutan-hutan diratakan dan segalanya bertukar menjadi bandar yang dipenuhi dengan bangunan batu. Tanpa disedari, kita hanya memusnahkan diri sendiri dan pencemaran yang disebabkan pembangunan pesat tentu sekali menjejaskan kesihatan. Manusia pada zaman sekarang terlalu mementingkan wang sehingga lupa tanggungjawab terhadap generasi yang akan datang dan alam sekitar yang perlu dipelihara demi kepentingan bersama.

Khor Eng Siang
4 S 1

SAHABAT

Hadirmu menerangi kegelapan,
Ibarat dian di waktu malam,
Pasrah hatimu rela berkorban.

Sahabat
Biarpun resah melanda,
Biarpun susah yang datang,
Engkau tetap bersama,
Asalkan diriku tetap bahagia,

Sahabat
Di saat kasih bermula,
Di saat kejayaan kita kecapi,
Aku menyahut cabaranmu,
Bagi merealisasikan impian bersama.

Namun sahabat
Di sini ku suarakan,
Aku tetap akan mengingatimu sampai bila-bila.
Biar ranjau kutempuhi kita tetap bersama.
Demi membalas jasamu sahabat sekalian.

Hasil nukilan
Mohd Fairoz, Ahmad Fauzi Rizal dan Mohd Yaser
3 Bakti 1

SERUAN PEMUDA

Kita pemuda Malaysia,
Bersatu padu serta setia,
Kuatkan semangat membela nusa dan bangsa.

Tinggalkan faedah diri,
Pertiwi mesti didahului,
Hancurkan segala petualang
Basmikan segala kemiskinan

Carilah kemajuan
Demi anak-anak bangsa yang tercinta
Itulah seruan pemuda.
Pemuda harapan negara.
Pemudi tiang negara.
Negaraku, Malaysia.

Kita pemuda Malaysia.
Sentiasa bersemangat waja.
Memburu musuh durjana.
Demi ibu pertiwi yang tercinta.
Agar anak-anak bangsa.
Tanpa halangan.
Dapat membangunkan,
Negaraku, Malaysia negaraku tercinta.

Hasil nukilan
Mohd Fairoz Salmi
3 Bakti 2

■ ALAM KITA ■

Waktu dulu,
Ku memandang luar rumahku,
Mataku tertumpu pada alam,
Yang indah berseri
Yang segar menghijau
Pokok berduri teguh di atas tanah
Bunga berkembang mekar sentiasa
Burung bertentangan bebas di angkasa
Itulah alam kita.

Tetapi kian hari
Alam tidak seperti dulu lagi.
Sains dan teknologi didahului
Rimba diterokai
Bangunan dan rumah dibina
Semuanya membangun pesat
Keindahan alam tidak dipeduli

Pencemaran berlaku berleluasa
Flora dan fauna terancam
Mengalami kepupusan

Oleh itu kita sebagai makhluk berakal,
Haruslah menjaga dan melindunginya,
Dari lenyap di muka bumi.

